

# Permohonan Najib, Mohd Irwan lepas tuduhan ditolak

Pendakwaan kes bersedia dengan pertuduhan, hanya tarikh perbicaraan belum ditetapkan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi semalam menolak permohonan Datuk Seri Najib Razak dan bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah, supaya dilepas tanpa dibebaskan daripada enam pertuduhan pecah amanah berjumlah RM6.6 bilion.

Najib dan Mohd Irwan membuat permohonan supaya dilepas tanpa dibebaskan dengan alasan pertuduhan itu sudah tergantung terhadap mereka selama tiga tahun setengah tanpa sebarang perbicaraan.

Kedua-dua tertuduh mengaku tidak bersalah pada 25 Oktober 2018 terhadap enam pertuduhan pecah amanah ke atas harta kerajaan Malaysia berjumlah RM6.6 bilion berkaitan bayaran kepada International Petroleum Investment Company (IPIC).

Dalam penghakimannya pada prosiding semalam, Hakim Da-



Najib hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

tuk Muhammad Jamil Hussin berkata, mahkamah memutuskan menolak permohonan itu selepas menimbangkan hujahan peguam bela kedua-dua tertuduh dan hujahan pihak pendakwaan.

Muhammad Jamil berkata, pendakwaan dalam kes itu bersedia dengan pertuduhan, bagaimanapun hanya tarikh perbicaraan belum ditetapkan oleh mahkamah.

Hakim itu menjelaskan, tarikh perbicaraan sebelum ini sudah ditetapkan selama 32 hari sekitar September dan Oktober 2021, bagaimanapun dilampirkan atas permohonan pendakwaan yang tidak dibantah oleh peguam bela.

"Permohonan untuk dilepas tanpa dibebaskan hanya boleh dibenarkan jika pendakwaan tidak

berhasrat meneruskan pendakwaan.

"Dalam kes ini, pihak pendakwaan bersedia dengan kes mereka, hari ini cuma untuk pengurusan kes sahaja dan tarikh perbicaraan belum ditetapkan," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Saifuddin Hashim Musaimi memaklumkan kepada mahkamah bahawa pendakwaan akan memanggil antara 60 hingga 70 saksi untuk memberikan keterangan.

Sehubungan itu Muhammad Jamil menetapkan 1 hingga 4 April dan 8 hingga 11 April serta sepanjang Mei tahun depan bagi tarikh perbicaraan.

Hakim itu juga memerintahkan pendakwaan menyerahkan

senarai saksi dan dokumen berkaitan kes kepada peguam bela dua minggu sebelum perbicaraan bermula.

Sementara itu, Muhammad Saifuddin membantah permohonan Najib dan Mohd Irwan dengan menyatakan adalah tidak adil bagi pihak mahkamah membenarkan kedua-dua tertuduh dilepas tanpa dibebaskan pada peringkat ini.

Beliau berkata, pihak pendakwaan bersedia menjalankan kes di mana sudah tiga kali serahan dokumen dibuat mengikut Seksyen 51A Kanun Acara Jenayah (KAJ) dan mengikut peruntukan undang-undang mereka boleh mengemukakan dokumen tambahan jika ada, sebelum perbicaraan.

Najib dan Mohd Irwan dituduh melakukan semua kesalahan itu di Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia di Putrajaya antara 21 Disember 2016 dan 18 Disember 2017.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksan yang dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan serta boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Datuk K Kumaraendran dalam hujahannya berkata, tuduhan terhadap anak guamnya sudah tergantung tiga tahun setengah dan disebut 14 kali di mahkamah sejak Oktober 2018.